MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP
BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Incorporated in Malaysia – Company No. 524989-M)
Berita Harian – 5 Mei, 2014 **(A)**

Saham modal kecil terus menjunam

» *Keempat-empat syarikat beri maklum balas dengan kenyataan lazim*

RITA BENOY BUSHON

Gelembung harga saham bermodal kecil sejak kebelakangan ini nampaknya sudah meletus apabila empat kaunter dalam kategori itu berdepan tekanan jualan berterusan pada minggu ini hingga mencecah had maksimum kejatuhannya.

Kaunter-kaunter itu adalah Visdynamics Holdings Bhd, MNC Wireless Bhd, Solution Engineering Holdings Bhd dan Industronics Bhd.

Keempat-empat syarikat berkenaan memberi maklum balas kepada pertanyaan Bursa Malaysia mengenai aktiviti luar biasa pasaran dengan kenyataan lazim iaitu 'perkara ini di luar pengetahuan mereka'.

Kebimbangan yang timbul adalah sama ada kejatuhan harga saham itu akan mencetuskan kejatuhan pasaran yang lebih meluas.

Dari perspektif penilaian, data *Bloomberg* menunjukkan Indeks Syarikat Bermodal Kecil Malaysia didagangkan sekitar 21 kali pendapatan, iaitu lebih tinggi daripada 17 kali pendapatan bagi FBM KLCI, dan nisbah harga-pendapatan (PE) ke hadapan sebanyak 10.4 kali berbanding 15.8 kali bagi FBM KLCI.

Terus kekal reputasi

Nisbah PE ke hadapan ini membayangkan saham bermodal kecil akan terus mengekalkan reputasi sebagai stok yang mempunyai prospek pertumbuhan dan berupaya mencatat pendapatan lumayan, sekali gus memberikan justifikasi kepada harga sahamnya yang tinggi.

Bagaimanapun, pada pandangan kami, penyelidikan lanjut perlu dilakukan untuk mengenalpasti saham bermodal kecil yang mempunyai asas yang kukuh di antara ratusan kaunter saham bermodal kecil.

Sementara itu, lawatan kami ke terminal klia2 baru-baru ini memberikan gambaran yang menggalakkan mengenai terminal baharu itu.

Jambatan udara, travelator, pilihan kedai makanan dan minuman serta kedai-kedai barangan yang lebih luas adalah perubahan besar yang dapat memberi keselesaan kepada penumpang berbanding terminal LCC sedia ada yang sesak dan kekurangan kemudahan.

Mengenai tadbir urus korporat, amalan mendapatkan kelulusan menyeluruh (blanket approval) bagi had ganjaran pengarah yang tinggi masih lagi diamalkan di kalangan beberapa syarikat.

Ini bermakna resolusi mengenai yuran pengarah syarikat tidak dibentangkan untuk kelulusan pemegang saham dalam mesyuarat agung tahunan (AGM).

Kami berpandangan, ia tidak konsisten dengan Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia terutama sekiranya ada kenaikan dalam yuran pengarah. Pemegang saham minoriti dalam hal sedemikian tidak berpeluang untuk berbincang dan memutuskan sama ada kenaikan ganjaran tersebut adalah wajar

Perlu polisi, rangka kerja

Menyentuh tentang AGM, kami ingin mengetengahkan kepada pembaca mengenai aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang umumnya sangat digalakkan, namun kami berpandangan syarikat perlu lebih telus mengenai jumlah dana yang diperuntukkan bagi tujuan CSR itu.

Syarikat tersenarai perlu mewujudkan polisi dan rangka kerja bagi pelaksanaan CSR dan menzahirkan ia secara jelas di dalam Laporan Tahunan atau laman web syarikat.

Justeru itu, penggunaan dana bagi tujuan CSR perlu dipantau untuk memastikan ia diagih dan dilaksanakan secara bernas dan bermakna.

Baru-baru ini, berlaku kes Terbitan Saham Hak yang mana pemegang saham utamanya telah melepaskan kelayakan saham haknya kepada pelabur pihak ketiga yang bukannya pemegang saham syarikat.

Kami berpandangan penolakan saham hak yang besar sebegini kepada satu pihak lain, yang bukannya pemegang saham syarikat, pada harga diskaun yang tinggi sebagai tidak saksama dan boleh menjejaskan kepentingan pemegang saham minoriti.

Mereka sepatutnya diberikan keutamaan untuk melanggan saham hak itu sebelum ditawarkan kepada pihak ketiga.

Dalam hal ini, kami berpandangan bahawa garis panduan dan amalan semasa perlu disemak semula.

Lawatan Presiden Amerika Syarikat Barack Obama ke Malaysia sudah pun berlalu, dan saya berpendapat mesej beliau yang paling penting adalah kejayaan Malaysia yang berterusan sememangnya perlu pembabitan inklusif semua lapisan rakyat Malaysia.

Penulis ialah Ketua Eksekutif Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Bhd (MSWG)